

BERITA ONLINE

BERNAMA

TARIKH: 5 NOVEMBER 2022



AELB kini dikenali sebagai Atom Malaysia

SUNGAI PETANI, 4 Nov (Bernama) -- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) mengumumkan Jabatan Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) kini dikenali sebagai Jabatan Tenaga Atom dengan singkatan Atom Malaysia.

Ketua Setiausaha MOSTI Datuk Dr Aminuddin Hassim berkata Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah memberi kelulusan pertukaran nama itu dan diharap Atom Malaysia akan dapat menjalankan fungsinya secara menyeluruh dengan lebih efektif.

“Jabatan itu juga diharap dapat mengekalkan prestasi cemerlang sebagai badan penguat kuasa aktiviti tenaga atom yang telus dan diyakini, bukan sahaja di Malaysia,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Baru-baru ini Aminuddin telah merasmikan Majlis Penyerahan Pejabat Zon Utara (PZU) Atom Malaysia di sini yang pembinaannya bermula pada 2018 dengan kos keseluruhan projek RM12 juta yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMK 11).

Sijil Siap Kerja bagi Projek Pembinaan PZU Atom Malaysia telah diserahkan oleh JKR pada 29 Sept lepas.

Aminuddin berkata pembinaan bangunan PZU itu bagi memastikan semua pihak mendapat khidmat nasihat atau perkhidmatan berkaitan perlesenan, pemeriksaan, peperiksaan pegawai perlindungan sinaran (PPS) dan latihan berkaitan kecemasan radiologi (*emergency drill*) dengan lebih cepat dan efisien.

Menurutnya ia juga diharap dapat meningkatkan peluang pekerjaan dan punca pendapatan kepada rakyat Kedah dan negeri sekitarnya di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara selaras dengan tema MOSTI iaitu 'Merakyatkan Sains, Menginsankan Teknologi'.

"PZU ini turut memainkan peranan penting dalam memberikan maklumat berkaitan keselamatan sinaran melalui program kesedaran awam dan pembangunan kerjaya dalam bidang sains sinaran kepada pelajar sekolah, kolej, universiti dan sebagainya agar dapat memenuhi keperluan industri," katanya.

-- BERNAMA